



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**KEPUASAN PELANGONG TERHADAP RESORT TOK AMAN BALI,
KELANTAN DAN KESAN KEPADA EKONOMI MASYARAKAT
SETEMPAT**

Rosilawate Binti Azahari

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian
(Pengurusan Seni)
2015**

UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

Grade: _____

Please tick (✓)

Final Year Project Report

Masters

PhD



DECLARATION OF ORIGINAL WORK

This declaration is made on the 25 day of June 2015.

Student's Declaration:

I ROSILAWATE BINTI AZAHARI, 38515 FACULTY OF APPLIED AND CREATIVE ARTS (PLEASE INDICATE STUDENT'S NAME, MATRIC NO. AND FACULTY) hereby declare that the work entitled KEPUASAN PELANCONG TERHADAP RESORT TOK AMAN BALI, KELANTAN DAN KESAN KEPADA EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT is my original work. I have not copied from any other students' work or from any other sources except where due reference or acknowledgement is made explicitly in the text, nor has any part been written for me by another person.

25 June 2015
Date submitted

Rosilawate Binti Azahari (38515)
Name of the student (Matric No.)

Supervisor's Declaration:

I EN. MAZDAN BIN ALI AMARAN (SUPERVISOR'S NAME) hereby certifies that the work entitled KEPUASAN PELANCONG TERHADAP RESORT TOK AMAN BALI, KELANTAN DAN KESAN KEPADA EKONOMI MASYARAKAT SETEMPAT (TITLE) was prepared by the above named student, and was submitted to the "FACULTY" as a * partial/full fulfillment for the conferment of BACHELOR OF APPLIED ARTS WITH HONOUR (PLEASE INDICATE THE DEGREE), and the aforementioned work, to the best of my knowledge, is the said student's work.

Received for examination by: En. Mazdan Bin Ali Amaran
(Name of the supervisor)

Date: 25 June 2015

Mazdan Ali Amaran
Pensyarah
Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

I declare that Project/Thesis is classified as (Please tick (\)):

- CONFIDENTIAL** (Contains confidential information under the Official Secret Act 1972)*
 RESTRICTED (Contains restricted information as specified by the organisation where research was done)*
 OPEN ACCESS

Validation of Project/Thesis

I therefore duly affirm with free consent and willingly declare that this said Project/Thesis shall be placed officially in the Centre for Academic Information Services with the abiding interest and rights as follows:


- This Project/Thesis is the sole legal property of Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies for the purpose of academic and research only and not for other purpose.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to digitalise the content for the Local Content Database.
- The Centre for Academic Information Services has the lawful right to make copies of the Project/Thesis for academic exchange between Higher Learning Institute.
- No dispute or any claim shall arise from the student itself neither third party on this Project/Thesis once it becomes the sole property of UNIMAS.
- This Project/Thesis or any material, data and information related to it shall not be distributed, published or disclosed to any party by the student except with UNIMAS permission.

Student signature



(Date)

Supervisor signature:



(Date)

Current Address:

Lot 1999 Simpang Tiga Durian Kudung Gunung, 16390 Bachok Kelantan

Notes: * If the Project/Thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach together as annexure a letter from the organisation with the period and reasons of confidentiality and restriction.

[The instrument is duly prepared by The Centre for Academic Information Services]

Projek bertajuk “**Kepuasan Pelancong Terhadap Resort Tok Aman Bali, Kelantan dan Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat**” telah disediakan oleh **Rosilawate Binti Azahari** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian (**Pengurusan Seni**).

Diterima untuk diperiksa oleh:



En. Mazdan Bin Ali Amaran

Penyelia Program Pengurusan Seni

Tarikh:.....

26/6/2015

DEDIKASI

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

Buatmu ibu (NIK ZURAH BINTI NIK YAAKUB) yang dikasihi,

*Doamu, nasihatmu dan pengorbananmu menjadi pelita serta panduan perjuanganku
dalam kehidupan ini ...*

Buatmu Abang dan Kakak yang disayangi,

Dirimu amat bermakna dalam diri ini,

Kejayaanku, kejayaanmu juga ...

Buatmu pembimbing (EN. MAZDAN BIN ALI AMARAN) yang disanjungi,

*Bimbangan, tunjuk ajar, dan jasamu yang diberikan
tidak akan daku lupai ...*

Buatmu teman-teman yang dirindui,

*Kejujuran dan keikhlasan dalam persahabatan ini
akan daku kenangi selamanya ...*

PENGHARGAAN



Alhamdulillah, syukur kehadrat Illahi kerana dengan izinNya kajian ini akhirnya dapat dijalankan dengan jayanya.

Salam sejahtera pengkaji ucapan sebagai pembuka laluan bagi coretan penghargaan ini. Setinggi-tinggi ucapan penghargaan pengkaji merakamkan kepada penyelia Projek Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Seni dengan Kepujian, En. Mazdan bin Ali Amaran atas bimbingan dan dorongan yang telah diberikan sepanjang tempoh kajian Projek Tahun Akhir ini. Beliau telah banyak memberi tunjuk ajar, bimbingan, dorongan, nasihat dan teguran tanpa rasa jemu dan penuh kesabaran dalam proses menyempurnakan Projek Tahun Akhir Ijazah Sarjana Muda ini.

Sekalung ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pihak Resort Tok Aman Bali, Kelantan yang terlibat atas kesudian mereka memberi kebenaran kepada pengkaji untuk menjalankan kajian ini. Terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada bahagian *Sales Marketing* dan beberapa staf pekerja di Resort Tok Aman Bali yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama yang telah diberikan.

Ucapan terima kasih juga kepada ahli keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan bagi menyiapkan kajian ini. Tidak ketinggalan juga kepada semua pensyarah yang telah mencerahkan ilmu dan bakti sepanjang pembelajaran pengkaji di sini. Akhir sekali, pengkaji ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam membantu pengkaji menjayakan projek ini. Semoga Allah S.W.T memberkati kehidupan kalian sentiasa dan beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Kemaafan juga saya pinta sekiranya terdapat sebarang kesilapan dan kekurangan dalam projek kajian ini. Akhir kata, pengkaji berharap projek ini dapat memberi manfaat kepada kita semua. Sekian.

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

| | |
|-------------------|------|
| Dedikasi | i |
| Penghargaan | ii |
| Isi Kandungan | iii |
| Abstrak | iv |
| Abstract | v |
| Senarai Jadual | vi |
| Senarai Rajah | vii |
| Senarai Singkatan | viii |

BAB 1 – PENGENALAN

| | |
|--|---|
| 1.0 Pendahuluan | 1 |
| 1.0.1 Pelancongan di Malaysia | 2 |
| 1.0.2 Sumbangan Industri Pelancongan di Malaysia | 2 |
| 1.0.3 Sumbangan Industri Pelancongan di Kelantan | 4 |
| 1.0.4 Potensi Pelancongan | 5 |
| 1.0.5 Definisi Istilah | 6 |

| | | |
|-------|----------------------------|----|
| 1.1 | Latar Belakang Kajian | 9 |
| 1.1.1 | Sejarah Kelantan | 9 |
| 1.1.2 | Sejarah Pasir Puteh | 11 |
| 1.1.3 | Sejarah Tok Bali | 12 |
| 1.1.4 | Resort Tok Aman Bali | 14 |
| 1.2 | Pernyataan Masalah | 15 |
| 1.3 | Objektif Kajian | 16 |
| 1.4 | Skop Kajian | 17 |
| 1.5 | Kerangka Konseptual Kajian | 17 |
| 1.6 | Kepentingan Kajian | 18 |
| 1.7 | Batasan Kajian | 20 |
| 1.8 | Rumusan | 21 |

BAB 2 – SOROTAN KESUSASTERAAN

| | | |
|-------|------------------------------------|----|
| 2.0 | Pendahuluan | 22 |
| 2.1 | Konsep Pelancongan | 22 |
| 2.2 | Teori dan Model Kepuasan Pelancong | 25 |
| 2.2.1 | Model Teori Kepentingan Prestasi | 25 |
| 2.2.2 | Model Melihat Prestasi | 26 |
| 2.2.3 | Model Jangkaan | 26 |
| 2.2.4 | Model Teori Ekuiti | 26 |

| | | |
|-----|--|----|
| 2.3 | Pelancongan dan Masyarakat | 26 |
| 2.4 | Kepuasan Pelancong | 29 |
| 2.5 | Faktor Penentu Mempengaruhi Kepuasan Pelancong | 30 |
| 2.6 | Impak Pelancongan Kepada Ekonomi | 34 |
| 2.7 | Industri Pelancongan dan Pertumbuhan Ekonomi Luar Negara | 36 |
| 2.8 | Rumusan | 37 |

BAB 3 – METODOLOGI KAJIAN

| | | |
|-------|---|----|
| 3.0 | Pendahuluan | 39 |
| 3.1 | Reka Bentuk Kajian | 39 |
| 3.2 | Sumber Data | |
| 3.2.1 | Data Primer | 41 |
| 3.2.2 | Data Sekunder | 46 |
| 3.3 | Lokasi, Populasi dan Persampelan Kajian | 47 |
| 3.3.1 | Lokasi Kajian | 47 |
| 3.3.2 | Populasi Kajian | 50 |
| 3.3.3 | Persampelan Kajian | 51 |
| 3.4 | Kajian Rintis | 53 |

| | | |
|-----------------------------------|---|----|
| 3.5 | Kaedah Menganalisis Data | 54 |
| 3.6 | Rumusan | 58 |
| BAB 4 – DAPATAN KAJIAN | | |
| 4.0 | Pendahuluan | 60 |
| 4.1 | Perbincangan Dapatan Kajian | |
| 4.1a | Taburan Responden mengikut Jantina | 61 |
| 4.1b | Taburan Responden mengikut Umur | 62 |
| 4.1c | Taburan Responden mengikut Etnik | 63 |
| 4.1d | Taburan Responden mengikut Status Perkahwinan | 64 |
| 4.1e | Taburan Responden mengikut Tahap Pendidikan | 64 |
| 4.1f | Taburan Responden mengikut Jenis Pekerjaan | 65 |
| 4.2 | Faktor-faktor Penentu Kepuasan Pelancong di Resort Tok Aman Bali | |
| 4.2a | Taburan Responden mengikut Faktor Penentu Kepuasan Pelancong | 67 |
| 4.2b | Taburan Responden mengikut Perbandingan Faktor Penentu Kepuasan Pelancong antara Jantina | 71 |
| 4.2c | Taburan Responden Resort Tok Aman Bali Antara Jantina Terhadap Faktor Kemudahan Perkhidmatan | 73 |
| 4.2d | Taburan Responden Resort Tok Aman Bali Antara Jantina terhadap Faktor Kemudahan Infrastruktur | 75 |

| | | |
|--|--|----|
| 4.2e | Taburan Responden Resort Tok Aman Bali Antara Jantina terhadap Faktor Kemudahan Sokongan | 77 |
| 4.3 Kesan-kesan Pelancongan Kepada Ekonomi | | |
| 4.3a | Analisis Kesahihan Data Kajian | 80 |
| 4.3b | Kesan-kesan Aktiviti Pelancongan di Resort Tok Aman Bali kepada Ekonomi | 82 |
| 4.3c | Hubungan Antara Pembolehubah | 85 |
| 4.4 | Rumusan | 88 |

BAB 5 – RINGKASAN, CADANGAN DAN PENDAPAT

| | | |
|------|---|----|
| 5.0 | Pendahuluan | 89 |
| 5.1 | Ringkasan Kajian | 89 |
| 5.2 | Cadangan dan Pendapat Kepada Organisasi | 91 |
| 5.2a | Cadangan dan Pendapat berkaitan Resort Tok Aman Bali Membantu Meningkatkan Pendapatan Masyarakat Setempat | 91 |
| 5.2b | Cadangan dan Pendapat berkaitan Resort Tok Aman Bali Menyumbang Kepada Ekonomi di Negeri Kelantan | 94 |
| 5.2c | Cadangan dan Pendapat berkaitan Resort Tok Aman Bali Mengadakan Promosi | 95 |

| | | |
|-----------------|--------------------------------------|-----|
| 5.3 | Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang | 96 |
| 5.4 | Rumusan | 96 |
| RUJUKAN | | 98 |
| LAMPIRAN | | 108 |
| Lampiran A | Soal Selidik Tinjauan | |
| Lampiran B | Soalan Temubual | |
| Lampiran C | Surat Kebenaran Kajian | |

ABSTRAK

Kajian yang berbentuk tinjauan ini bertujuan untuk mengkaji tahap kepuasan pelancong di Resort Tok Aman Bali, Kelantan yang memberi kesan kepada ekonomi masyarakat setempat. Kajian ini menggunakan kaedah campuran iaitu kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif dan sebanyak 153 set borang soal selidik tinjauan telah diberikan kepada pelancong dan masyarakat di Tok Bali, Kelantan bagi mengumpul data. Data yang berkenaan diproses dengan menggunakan *Statistical Package for Social Science (SPSS)* Versi 20.0 dan dianalisis dengan menggunakan statistik diskriptif dan analisis kesahihan. Seramai 4 orang pemberi maklumat yang di temubual daripada pihak Resort Tok Aman Bali terlibat dalam kajian ini. Kajian ini telah mendapati bahawa faktor-faktor penentu kepuasan pelancong di Resort Tok Aman Bali ialah faktor keunikan persekitaran, faktor kemudahan perkhidmatan dan faktor kemudahan infrastruktur. Kajian ini juga telah mendapati bahawa responden dan pemberi maklumat berpersepsi bahawa semua faktor ini adalah disebabkan oleh Resort Tok Aman Bali terletak di kawasan yang strategik. Selain itu, dengan kemudahan-kemudahan seperti perkhidmatan dan infrastruktur yang mencukupi di resort telah memberi kepuasan kepada pelancong yang datang ke resort tersebut. Kajian ini juga telah mendapati bahawa kesemua faktor berkenaan (faktor keunikan persekitaran, faktor perkhidmatan dan faktor infrastruktur) adalah faktor utama yang memberi kepuasan kepada pelancong.

ABSTRACT

As a survey research design of study, the purpose of this study was to assess the level of tourist satisfaction on Tok Aman Bali Beach Resort, Kelantan that affect local communities's economy. By collecting and gather related data, a mixture of qualitative and quantitative methods and 153 sets of questionnaire survey has been given to the tourist and communities aroud Tok Bali, Kelantan. The data was processed by using the Statistical Package for Social Sciences (SPSS) Version 20.0, and analyzed by using descriptive statistics and analytical validity. A total of four informants who came from the Tok Aman Bali Beach Resort were participated in an interview. According to this study the factor of tourist satisfaction on Tok Aman Bali Beach Resort is the uniqueness of environment, services facilities and infrastructure facilities. The research also founded that respondents and informants perceives all of these factors due to strategic location of Tok Aman Bali Beach Resort. In addition, available facilities such as infrastrucuture and services provided in the resort had been gave satisfaction to tourists who come to the resort. The research also founded that all of the relevant factors (uniqueness environment, the services and infrastructure) are the main factors for tourists's satisfaction.

SENARAI JADUAL**MUKA SURAT**

| | |
|---|----|
| Jadual 1.1 : Sumber daripada Tourism Malaysia | 3 |
| Jadual 3.1 : Skala Likert Skor | 45 |
| Jadual 3.2 : Penentuan Saiz Sampel Kajian Berdasarkan Saiz Populasi | 52 |
| Jadual 4.1 : Peratusan Respon Pelancong Terhadap Faktor Penentu Kepuasan Pelancong di Resort Tok Aman Bali | 71 |
| Jadual 4.2 : Perbandingan Faktor Penentu Kepuasan Pelancong di Resort Tok Aman Bali berkaitan dengan Jantina | 72 |
| Jadual 4.3 : Analisis Kajian Kesahihan Data Kajian | 81 |
| Jadual 4.4 : Min Respon Pelancong di Resort Tok Aman Bali berkaitan Dengan Kesan-kesan Aktiviti Pelancongan Kepada Ekonomi | 84 |
| Jadual 4.5 : Hubungan Antara Pembolehubah (<i>Variable</i>) dengan Pembolehubah Lain (<i>Correlation</i>) | 87 |

SENARAI RAJAH**MUKA SURAT**

| | |
|---|----|
| Rajah 1.1 : Kerangka Kajian Kepuasan Pelancong dan Kesan Kepada Ekonomi Masyarakat Setempat | 18 |
| Rajah 3.1 : Lokasi Tok Aman Bali Resort, Tok Bali, Kelantan | 49 |
| Rajah 4.1 : Jantina Responden | 61 |
| Rajah 4.2 : Umur Responden | 62 |
| Rajah 4.3 : Etnik Responden | 63 |
| Rajah 4.4 : Status Perkahwinan Responden | 64 |
| Rajah 4.5 : Tahap Pendidikan Responden | 65 |
| Rajah 4.6 : Jenis Pekerjaan Responden | 66 |
| Rajah 4.7 : Taburan Responden Resort Tok Aman Bali antara Jantina terhadap Faktor Kemudahan Perkhidmatan | 75 |

| | |
|--|----|
| Rajah 4.8 : Taburan Responden Resort Tok Aman Bali antara Jantina terhadap Faktor Kemudahan Infrastruktur | 77 |
| Rajah 4.9 : Taburan Responden Resort Tok Aman Bali antara Jantina terhadap Faktor Kemudahan Sokongan | 80 |
| Rajah 5.1 :Resort Tok Aman Bali Membantu Meningkatkan Pendapatan Masyarakat Setempat antara Jantina | 93 |
| Rajah 5.2 : Resort Tok Aman Bali Menyumbang Kepada Ekonomi di Negeri Kelantan Secara Keseluruhan | 95 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|-------------|---|--|
| <i>CAIS</i> | - | <i>Centre of Academic and Information Service</i> |
| <i>ECER</i> | - | Pembangunan Ekonomi Wilayah Timur |
| <i>KDNK</i> | - | Keluaran Dalam Negara Kasar |
| <i>LPPM</i> | - | Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia |
| <i>MDPP</i> | - | Majlis Daerah Pasir Puteh |
| <i>MED</i> | - | <i>Model Expectation Disconfirmation</i> |
| <i>MPP</i> | - | <i>Model Perceived Performance</i> |
| <i>MTE</i> | - | <i>Model Theory Equity</i> |
| N | - | Saiz Populasi |
| <i>PKMA</i> | - | Pusat Khidmat Maklumat Pelajar |
| <i>PKPM</i> | - | Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia |
| <i>RTAB</i> | - | Resort Tok Aman Bali |
| S | - | Saiz Sampel |
| <i>SPSS</i> | - | <i>Statistical Package for the Social Sciences</i> |
| <i>WTO</i> | - | <i>World Tourism Organization</i> |
| <i>WOM</i> | - | <i>Word of Mouth</i> |

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Bab ini menjelaskan dan menguraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, skop, kepentingan dan batasan kajian. Definisi istilah-istilah juga akan dijelaskan dalam bab ini. Huraian dan penjelasan ini bertujuan membantu para pembaca agar memahami hala tuju dan kepentingan kajian ini.

Kejayaan sesuatu destinasi pelancongan banyak bergantung kepada sambutan pelawat atau pelancong yang mengunjunginya. Pelawat atau pelancong menjadi salah satu penentu kepada kebolehkekalan sesuatu produk atau destinasi pelancongan. Sesuatu produk yang mampu memenuhi kehendak dan kepuasan pelawat akan terus menjadi tumpuan dan pembangunannya akan berterusan untuk jangka masa yang panjang.

Menurut Alister Mathieson dan Wall (1991), pelancongan adalah kajian tentang manusia yang berada jauh dari tempat kediaman biasa, mengenai perusahaan yang berkembang hasil daripada usaha untuk memenuhi keperluan pelancong itu dan memberi kesan terhadap ekonomi, fizikal dan kebajikan tuan rumah. Kajian pelancongan melibatkan penelitian terhadap motivasi dan pengalaman pelancong, harapan dan bentuk penyesuaian yang dilaksanakan oleh penduduk tempatan dan peranan yang dimainkan oleh pelbagai agensi dan institusi yang menjadi penghubung antara para pelancong dan masyarakat tempatan.

1.0.1 Pelancongan di Malaysia

Malaysia sememangnya kaya dengan pelbagai sumber semula jadi di mana ianya sangat sesuai untuk pelancongan yang berterusan. Industri pelancongan mengekalkan kemampuan melalui daya maju ekonominya. Kerajaan Malaysia telah memberi perhatian dalam sektor pelancongan untuk membangunkan sektor ini sebagai sumber alternatif pertukaran asing untuk memulihkan baki defisit pembayaran dalam tahun 1980-an. Perbelanjaan pelancong bukan sahaja menyumbang dengan ketara kepada sektor pelancongan akan tetapi ianya juga telah menjana kesan yang positif di sektor lain dalam ekonomi. Oleh itu, sektor pelancongan telah merangsang perkembangan ekonomi negara membangun dan kepentingannya semakin mendapat pengiktirafan yang meluas. Industri pelancongan kini dianggap sebagai salah satu enjin penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia dan ianya kini telah menjadi fokus penting dalam strategi perindustrian kerajaan. (Mohammad, 2009).

1.0.2 Sumbangan Industri Pelancongan di Malaysia

Berdasarkan statistik yang diperolehi daripada Tourism Malaysia telah menunjukkan kadar jumlah ketibaan pelancong asing ke Malaysia serta pendapatan kepada negara telah meningkat dari tahun ke tahun. Statistik telah menunjukkan kemasukan pelancong asing ke dalam negara meningkat sebanyak 2.68 peratus iaitu seramai 25.72 juta pelancong asing didaftarkan pada tahun 2013 berbanding tahun sebelumnya iaitu seramai 25.03 juta pelancong. (Jadual 1.1). Pendapatan yang telah diperolehi daripada industri pelancongan juga meningkat sebanyak 7.3 peratus iaitu sebanyak 65.44 bilion ringgit Malaysia berbanding tahun sebelumnya iaitu sebanyak

60.6 billion ringgit Malaysia. Ini membuktikan sektor pelancongan telah berjaya merangsang pertumbuhan ekonomi negara Malaysia.

Jadual 1.1 : Sumber daripada Tourism Malaysia

| TOURIST ARRIVALS & RECEIPTS TO MALAYSIA | | |
|---|---------------|---------------|
| YEAR | ARRIVALS | RECEIPTS (RM) |
| 2013 | 25.72 Million | 65.44 Billion |
| 2012 | 25.03 Million | 60.6 Billion |

Namun tanpa sokongan dan sambutan dari pihak-pihak tertentu sesuatu sektor pelancongan tidak akan berkembang dengan baik. Pihak utama yang terlibat secara langsung dalam mempengaruhi aktiviti pelancongan adalah para pelancong dan penduduk tempatan. Pelancong adalah kumpulan individu yang mencari pengalaman baru, barang-barang, dan keseronokan melalui tempat-tempat yang mereka lawati, manakala penduduk tempatan adalah kelompok orang yang sering terkesan disebabkan oleh aktiviti pelancongan, dan faktor sekeliling, sebagai contoh dengan wujudnya sektor pelancongan ditempat mereka ianya akan memberi kesan positif kepada penduduk setempat, dapat mewujudkan peluang pekerjaan, selain dari meningkatkan nama tempat dan imej masyarakat, namun ianya juga turut memberi kesan yang negatif pada masa yang sama. Disamping mendapat pendapatan yang tinggi, sektor pelancongan juga sedikit sebanyak memberi impak kepada persekitaran masyarakat setempat dan alam semulajadi. (Tsartas, 2003).

Dalam usaha menjadikan sektor pelancongan ini sebagai sektor penting sebagai peneraju ekonomi negara, beberapa isu perlu difikirkan termasuk keperluan membangunkan produk pelancongan yang menarik minat mereka untuk melawati kawasan itu, menambah baik penyelenggaraan kawasan pelancongan sedia ada dan membina infrastruktur dan kemudahan untuk keselesaan pelancong. Ini selaras dengan pandangan Murphy (2004) dimana pembangunan pelancongan harus menemui keseimbangan keperluan antara residen (individu dan peniaga) dan para pelancong. Pihak bertanggungjawab harus mengenal pasti faktor utama untuk menarik kedatangan pelancong ke Malaysia sekaligus membolehkan sektor pelancongan mencapai matlamat sebagai sektor utama penyumbang kepada pendapatan negara.

1.0.3 Sumbangan Industri Pelancongan di Kelantan

Negeri Kelantan terletak di utara Semenanjung Malaysia dan bersempadan dengan negara Thailand. Negeri ini mempunyai keluasan 14,922 kilometer persegi dengan jumlah penduduk seramai 1.37 juta orang pada tahun 2010. Majoriti penduduk terdiri daripada kaum Melayu (95%), Cina (1.5%), India (1%), Bumiputera lain (1.5%) dan kaum lain (0.5%). Kelantan lebih dikenali sebagai sebuah negeri pertanian. Majoriti penduduknya terlibat dalam aktiviti pertanian seperti penanam padi, pekebun getah dan pengusaha tanaman tembakau. Manakala aktiviti pelancongan mula mendapat tempat dikalangan penduduk Kelantan terutama penduduk di sepanjang pantai (Kelantan Tourism Information Centre, 2010).

Selain dari faktor budaya, keunikan negeri ini berkisar kepada kegiatan perniagaan kecil dan sederhana yang diusahakan oleh kaum wanita. Manifestasi kepentingan kaum wanita dalam perniagaan dan sebagai mengiktiraf sumbangan mereka, pihak berkuasa negeri ini telah menamakan pasar besar ini dengan nama tokoh usahawan wanita Islam terkenal iaitu Siti Khadijah. Dari segi ekonomi, Kelantan tersenarai sebagai salah sebuah negeri termiskin di Malaysia dengan purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) per kapita RM6,012 yang menyumbang kepada 1.7% KDNK negara (Jabatan Statistik, 2010).

1.0.4 Potensi Pelancongan

Pembangunan yang semakin pesat telah mendorong penciptaan teknologi yang canggih yang memudahkan segala urusan termasuk pekerjaan, pengangkutan dan perhubungan. Waktu bekerja telah dapat disingkatkan dan masa senggang semakin bertambah. Sistem pengangkutan dan perhubungan yang efisien menyebabkan masa perjalanan menjadi pendek. Keadaan ini telah membuka semakin banyak peluang untuk orang ramai melancong.

Salah satu hasil daripada pembangunan moden ialah peningkatan kualiti dan taraf hidup. Ini bererti pendapatan individu dan penabungan meningkat. Faktor ini boleh merangsang peningkatan bilangan pelancongan.

Mengikut pemerhatian beberapa penyelidik seperti Mathieson & Wall (1991), keinginan untuk melancong adalah lebih jelas bagi masyarakat Bandar yang ingin

“melerikan diri untuk seketika” daripada kesesakan, kesibukan dan pelbagai pencemaran untuk mencari ketenangan dan keseronokan serta melepaskan ketenangan.

Pelancongan melambangkan kemewahan, tetapi kini ia menjadi satu impian hidup masyarakat di seluruh dunia. Dengan pelbagai kemudahan dan peluang yang semakin bertambah, termasuk pakej pelancongan yang agak murah dan pelbagai pakej, motivasi untuk melancong di kalangan setiap lapisan masyarakat semakin meningkat (Alister Mathieson & Wall, 1991).

1.0.5 Definisi Istilah

Istilah-istilah dalam kajian ini akan diterangkan secara operasional supaya dapat membantu para pembaca memahami kajian ini.

1.0.5.1 Pelancongan

Kegiatan pelancongan merupakan sesuatu yang dinamik dan semakin berkembang maju di persada negara. Menurut Kamus Dewan (1997), “pelancongan” membawa erti perihal melancong dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengannya. Di Malaysia, industri pelancongan begitu berkembang pesat dan banyak memberikan sumbangan dalam pembangunan dan sosio-ekonomi negara. Malahan, penukaran nama bagi agensi pelancongan Malaysia pada 1 Mei 1992, iaitu daripada Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (PKPM) menjadi Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia (LPPM) menyaksikan satu perubahan penting dalam industri ini.